

## PERUT HIJAU: SIAM DALAM JIWA MELAYU

oleh  
Ahmad Murad Merican  
[muradmerican@gmail.com](mailto:muradmerican@gmail.com)

Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang

[Dibentangkan di Seminar Antarabangsa Sejarah Lisan 2016 dari Perspektif Sejarah, Warisan dan Kebudayaan Malaysia-Thailand, 2-4 Disember 2016, Pak Bara, Satun, Thailand]

### ABSTRAK

Pemerhatian dan kajian mengenai imej dan paparan orang asing oleh orang Melayu merupakan satu pendekatan yang agak baru dalam menyelami interaksi Melayu dengan kaum asing, sekaligus dapat mengenali jiwa Melayu zaman berzaman. Kajian ini meninjau imej Siam dalam jiwa Melayu. Siam tidak pernah menjajah Melayu, walaupun negeri Kedah. Siam bernaung ke atas negeri-negeri Melayu di Semenanjung Tanah Melayu berkurun lamanya. Perhubungan Melayu – Siam, khususnya Kedah-Siam ialah satu perhubungan yang kompleks. Terdapat detik peperangan, dan juga detik keamanan. Namun, umumnya dalam masyarakat Melayu, lanjutan dari pengalaman negeri Kedah, Siam diwajahkan sebagai kaum yang ganas dan memerah kudrat Melayu. Siam boleh diungkapkan juga sebagai “kacau daun” Melayu, khususnya Kedah. Ada masanya Siam diterima sebagai pelindung, dan ada masa sebagai pengacau. Hasil dari pertembungan itu, pelbagai imej orang-orang Siam telah di paparkan dalam sejarah. Paparan imej itu berubah-ubah mengikut jenis pertembungan dan perhubungan. Lazimnya kita dengar ungkapan ‘Siam perut hijau.’ Kertas kerja ini menggunakan beberapa visual, dan laman media baru seperti Facebook dan blog bagi memaparkan jiwa Melayu terhadap Siam. Cerita yang dapat dikutip memaparkan memori kolektif dan sentiment Melayu terhadap Siam – rakyat dan raja. Kita juga dapat perhatikan imej Siam dalam beberapa teks kasik terpilih serta pilihan Surat-Surat Francis Light dalam perhubungan dengan beberapa Sultan Kedah.

**Kata kunci:** *Imej, Jiwa, Melayu, Memori Kolektif, Siam*

### PENGENALAN : ORANG ASING DALAM SEJARAH MELAYU

Kita tahu Batu Batu Ferringghi di Pulau Pinang. Jika kita terjemah nama tempat perkelahan popular itu, it membawa maksud “batu orang asing.” Saya ingin bayangkan bagaimana orang-orang Kedah (dan Pulau Pinang) sebelum kedatangan Inggeris, seperti orang-orang Melayu Melaka sebelum itu atau pada masa yang sama, telah menyamakan orang asing dalam merujuk orang-orang Portugis sebagai ‘Ferringghi’ (bermaskud orang asing/orang luar).

Kisah Batu Ferringghi itu mencerminkan pertembungan antara Timur dan Barat. Angkat laut Portugis awal, yang membawa beratus-ratus daripada kaum itu tanpa pengalaman awal masyarakat bukan Kristian, dianggapi sebagai orang “Frank” oleh masyarakat bukan Eropah di Asia. Idea orang-orang “Frank” berkait dengan tentera-tentera Eropah dalam Perang Salib.

Istilah “Frank” berasal dari bahasa Farsi Farang atau Farangi, yang bermaksud Eropah. Ada juga yang merujuk istilah itu sebagai berasal dari bahasa Arab afranj. Daripada itu kita dengan kepelagiana penggunaan istilah itu seperti Faranj, Franji, Paranki, Parangiar dan jua Ferringghi.. Farang juga mendapat tempat dalam sejarah intelektual dan pemikiran popular Thai. Ahli antropologi Thai, mendiang Pattana Kitiarsa dalam satu kertaskerja yang bertajuk “Farang as Siamese Occidentalism” [Farang sebagai Oksidentalisme Siam] (2005) telah mentafsir semula Farang dalam pembentukan semula budaya dan sejarah Thai.

Dalam usaha beliau membina dan membina semula jati diri Thai, beliau melihat Farang sebagai kepada orang Thai, orang asing/luar yang zalim dan kejam. Barat diwajahkan sebagai “gergasi, serigala yang menipu, sementara Siam adalah anak kambing biri-biri yang tidak terdaya dan tidak berdosa (“...the West has been represented as the giant, tricky wolf, while Siam the little helpless and innocent lamb”) (Kitiarsa, 2005). Saya melihat pendirian yang dinyatakan oleh Kitiarsa dari segi perhubungan Siam dan Barat sebagai perbezaan “kita-mereka” (us-them). Di sebaliknya, dalam konteks perhubungan Melayu dan Barat, tidak terdapat andaian darjat perbezaan moral atau budaya seperti mana yang terdapat dalam kategori Ferringghi sebagai orang asing oleh orang Melayu. Salah satu imej yang terpahat dalam memori saya dari penceritaan pertembungan Melayu dengan Barat ialah istilah “Benggali Putih” (White Bengali) dalam buku teks sekolah rendah darjah empat bab mengenai Portugis di Melaka.


Dalam sejarah, orang Melayu amat lazim mengkasifikasikan orang lain. Kita dimaklumkan mengenai perkara ini dari rekod-rekod awal Portugis dan pengkisahan raja-raja dan masyarakat Melayu dari teks-teks klasik. Wajah Portugis oleh Melayu dalam abad ke 16 memberi idea mengenai kesan terus orang-orang “Frank” di Kepulauan Melayu dan Asia Tenggara. Misalnya gambaran misi Diego Lopez de Sequeira apabila beliau tiba di Melaka pada September 1509. *Sejarah Melayu* menceritakan bahawa terdapat kapal Ferringi dari Goa yang berlabuh untuk berdagang di Melaka. Setibanya kapal itu, irang-orang Melayu kerkumpul untuk melihat

bagaimana kelihatan orang-orang Ferringi itu. Walaupun orang-orang Melau Melaka member label Ferringi sebagai “Bengali Putih”, mereka (orang-orang Melayu) tidak mencemuh pula ramai Bengali yang sedang singgah dan membuat penempatan di Melaka, walaupun mereka tidak begitu disukai. Namun, orang-orang Benggali dihormati atas dasar keagamaan, yakni Islam.

## **IMEJ SIAM**


Orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu tidak pernah dijajah oleh Siam. Namun begitu, Siam banyak bernaung ke atas negeri-negeri Melayu. Dengan itu, akibat dari pelbagai pertembungan selama beratus tahun lamanya, Orang Melayu mula membentuk tanggapan dan imej terhadap orang-orang Siam. Ini diketahui melalui beberapa ungkapan – yang paling terkenal ialah “Siam perut hijau.” Perhubungan Melayu – Siam, khususnya Kedah-Siam ialah satu perhubungan yang kompleks. Hasil dari pertembungan itu, pelbagai imej orang-orang Siam telah di paparkan dalam sejarah. Paparan imej itu berubah-ubah mengikut jenis pertembungan dan perhubungan. Saya mulakan dengan sedikit visual yang dikutip dari sebuah kulit hadapan buku , dan seterusnya menumpu kepada paparan di laman media baru – Facebook, dan blog. Kertas kerja ini akan memperkenalkan beberapa pemerhatian mengenai imej dan paparan orang asing oleh orang Melayu. Akibat penggunaan beberapa pelantar teknologi, kita dapati bahawa ekspresi-ekspresi yang menunjukkan imej Melayu terhadap Siam menjelma melalui Internet. dipaparkan detik peperangan, dan juga detik keamanan. Namun, umumnya dalam masyarakat Melayu, lanjutan dari pengalaman negeri Kedah, Siam diwajahkan sebagai kaum yang ganas dan memerah kudrat Melayu. Siam boleh diungkapkan juga sebagai “kacau daun” Melayu, khususnya Kedah. Ada masanya Siam diterima sebagai pelindung, dan lebih lazim sebagai pengacau. Hasil dari pertembungan itu, satu imej dominan orang-orang Siam telah di paparkan dalam sejarah. Paparan imej itu, walaupun berbeza mengikut jenis pertembungan dan perhubungan, ungkapan ‘Siam perut hijau.’ Sentiasa didengar. Apa yang dipaparkan ialah cerita yang ditonjolkan memaparkan memori kolektif dan sentiment Melayu terhadap Siam. Dan akhir sekali, kita perhatikan imej Siam dalam beberapa teks kasik terpilih serta pilihan Surat-Surat Francis Light dari Sultan Abdullah Mukaram Shah (1778-1797).







Gambar di atas ialah dari kulit hadapan buku *Kedah Dalam Warisan Sejarah dan Budaya Nusantara* (2014) oleh Dato' Wan Shamsudin Mohd. Yusof, Pengerusi, Persatuan Sejarah Malaysia (Cawangan Kedah). Ia adalah imajinasi pelukis yang menunjukkan tentera Kedah sedang mempertahankan Kota Kuala Bahang dalam Perang menentang Siam pada tahun 1821. Kedeah berjaya merampas kembali kota tersebut di bawah pimpinan Tunku Kudin.



## GARIS WAKTU

- 1300- 1400 – Sistem beraja diasaskan
- 1351- 1767 – Pelabuhan Ayutthaya dimusnahkan oleh Burma
- 1400 – Melaka diasaskan
- 1457 – Pattani menjadi negeri Islam
- 1786 – Masalah hubungan Kedah dengan Siam dan Burma
- 1821 – Siam serang Kedah
- 1902 – Siam mengambil di bawah kuasanya Pattani, Yala dan Narathiwat  
– semuanya sebahagian daripada Kesultana Patani
- 1904 – The Siam Society diasaskan
- 1932 – Rampasan kuasa menamatkan kuasa mutlak raja

## CONTOH EKSPRESI “PERUT HIJAU”

<http://lokalgenius.blogspot.my/2010/08/kedah-bukan-melayu.html>

“Kecuali anda Tanya orang Siam perut hijau atau orang kedah yang tiba-tiba terasa dia orang Mon/Khmer.”

<https://sejukpanass.wordpress.com/2009/10/11/sejarah-nagara-kedah/>

bukan dari planet marikh... atau alien,...kalau baca tau la sapa dia..... sedih dan menyayat hati,,,,,,,,,moyang saya kata zaman dulu siam perut hijau[ puak kafir sukothai] amat jahat, dok masuk kampung tangkap sapa yang tentang atau bantah peraturan dia,.....ih...ih...ih ramai la yang mati, la ni banyak benda dok jumpa di kedah ni,.... melaka tak jumpa apa-apa ka,.....kalau ada pun sikit la,.....raja dia pun di lantik oleh Khalifah, maulana, yamtuan, Maharaja Empayar Islam Benua Siam Ayuthia, Nagara

<http://ibnurusydi.blogspot.my/2010/04/dan-malayu-sempadan-sebenar-bumi-melayu.html>

Orang tua-tua dulunya sebut SIAM perut hijau, semua depa bunuh tak kira pompuan ka budak2 ka. Jadi terfikir kenapa mereka tak kata Thai or Khmer or whatever istilah bangsa yg serang kedah walhal dizaman itu bukannya kolot dan bodoh2 belaka orang melayu ni. Kita ambil yang baik dan kaji serta buang setiap prasangka untuk jernihkan hati sendiri. Wallahualla

<http://langsanh.blogspot.my/2009/01/thailand-siam-dan-kejahatannya.html>

Yang paling jahat “Siam Perut Hijau.”

Orang Siam sejak dulu hingga sekarang memang terkenal dengan kekejaman dan permusuhannya terhadap orang Islam. Jika kita masih ingat tentang sejarah, Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu telah dijajah oleh bangsa Siam ini. Sekarang ini pun mereka masih menjajah 3 lagi negeri Melayu di Selatan Tanah Melayu iaitu Pattani, Yala dan Narathiwat. Orang tua, wanita dan kanak-kanak yang tidak bersalah pun menjadi mangsa kebinatangan tenterai Siam itu. Sekarang tentera Siam secara senyap membunuh para imam dan ulama’ untuk melemahkan perjuangan orang Melayu.

<http://sha-myheart.blogspot.my/2011/02/melayu-oh-melayu-jom-belajar-sejarah.html>

Korang nak tahu, Orang Thai Kafir, sangat zalim. Sebab tu sampai sekarang orang Kedah masih panggil Siam Perut Hijau. Pada masa aku kecik-kecik dulu, selalu lah kami sekampung akan takut-takut dan berbisik mengenai kedatangan Siam ni dalam kampung kami. Semua orang akan duduk dalam rumah dan berkunci pintu.

Aku masih ingat lagi perasaan takut itu. Bila aku tanya mak, kenapa takutkan Siam Perut Hijau? Mak menjawab, Siam itu makan apa sahaja termasuk manusia! Kira kanibal la.

Kalau dah macam tu, sape yang tak takut kan? Sampai sekarang (masa aku kecik-kecik, sekolah rendah, sebelum tahun 2000) rakyat Kedah masih terasa kesan keganasan Siam latnatullah.

Bukan bodoh atau apa. Korang tak tahu, bagaimana perasaannya. Cuba korang tanya kepada orang lama Kedah tentang Siam Perut Hijau ni. Pasti ada kisahnya..

<http://nasaieismail.blogspot.my/2010/03/kisah-siam-muslim.html>

Hampir dua hari perjalanan, kami sampai ke pintu masuk wilayah Isan (Utara Timur Thailand). Berehat sebentar di R n R kebetulan sebelah empangan. Setelah 20 minit, semua kembali ke kereta dan bersedia hendak bertolak. Tiba-tiba pemandu kami di Yayasan Kebajikan Fathani, mohon sedikit masa. Katanya hendak berdakwah. Kami mengangguk sahaja. 10 minit kemudian, dia kembali ke kereta dan maklumkan 4 gadis Siam yg ditemui, 3 daripadanya telah



memeluk Islam hasil dakwah 10 minit mereka. Masya Allah mengejutkan. Kenapa jadi begini? Mudah sekali mendapat hidayah. Kerap kita mendengar Melayu Muslim di Selatan Thailand. Tetapi jarang mendengar Siam Muslim. Bila sebut Siam, nampaklah kejahatan tentera mereka membunuh muslim Tak Bai, teringat juga Siam Perut Hijau yang menjadi gelaran di Kedah buat Siam di sana. Ada cerita menarik Siam Muslim di Isan sehingga menyebabkan 3 gadis ini hanya 10 minit sahaja boleh masuk Islam.

<http://themalaypress.blogspot.my/2010/06/pahlawan-melayu-mempertahankan-tanahair.html>

Jika Kedah itu adalah salah satu negeri didalam SIAM or BENUA SIAM or EMPAYAR BENUA SIAM kenapa diserangnya kedah melainkan Kedah ini adalah negeri yg berdaulat dan diperintah oleh raja sendiri. Dan orang2 kedah yg mempertahankan Kuala Kedah itu bercakap melayu Kedah bukan bahasa SIAM. Dimana Raja2 SIAM Islam ini yang membiarkan Kedah diserang?. itu antara persoalan, belum lagi catatan Aceh dan negeri2 sekitar yg tidak menyatakan secara terang2an tentang SIAM ini, yg ada cuma kisah2 berperangan dan kekejaman mereka yang cuba menakluk negeri melayu. Jika ditanya org tua2 SIAM ni dulu depa kata SIAM perut hijau, kejam,bunuh habis org kg yg pompuan depa cucuk telinga guna rotan dan kisah SIAM ni bukan sekitar 1821-1848 di kedah tapi sebelum itu sering menindas & mengancam Kedah dan Pattani...persoalan adakah SIAM sebelum Sukhotai ini juga Kejam yang menggunakan kekuatan tentera utk memaksa raja-raja kedah tunduk dgn membayar bunga emas sebagai tanda perlindungan.

<http://www.jejakwaris.com/sejarah.html>

Bagi rakyat PERLIS INDRA KAYANGAN kalian harus berbangga kerana terdapat 2 tampuk pemerintahan yang di bangunkan untuk kesejahteraan Perlis iaitu KOTA SENA dan KOTA KAYANG selepasnya sebelum tampuk pemerintahan dipindahkan pula ke KOTA BUKIT PINANG dan KOTA SETAR. Jika boleh peliharalah kesan tinggalan yang ada ini untuk tatapan dan paling penting sebagai bukti kepada kewujudan kerajaan lama semasa PERLIS masih dibawah KEDAH sebelum negeri ini terpisah gara-gara sengketa yang membabitkan SIAM...SIAM ni sampai la ni dok dengki kat orang melayu, tengok la di Selatan Thai orang kita dibuatnya macam ayam saja...takpa la dah janji Allah lagu tu nak buat macaman tapi kita yang duduk dalam negeri yang aman dan makmur ni jangan lupa kisah-kisah sejarah perjaungan bangsa dan tok nenek kita mempertahankan tanah tumpah negeri kita dari SIAM perut hijau.



Penuhkanlah ilmu di dada dan dekatkan diri dengan Syariat junjungan Nabi kita agar kita diberi hidayah, inayah dan kekuatan dalam menghadapi hari-hari mendatang. Wasalam!

## **SATU CERITA DARI BLOG**

### **WAJAH SIAM DALAM TRAJEDI DI KOTA KUALA KEDAH<sup>1</sup>**

Hari Ahad 12 November, 1821 merupakan tarikh yang paling pahit kepada penduduk-penduduk Kuala Kedah malahan kepada seluruh sejarah kesultanan Kedah Darul Aman kerana pada waktu rebang tengahari hari itu, ketika air pasang penuh, beratus-ratus buah perahu Siam bermuatkan tentera-tenteranya yang lengkap bersenjata dan membawa alat-alat untuk berperang telah sampai dengan tiba-tiba di Kuala Sungai Kedah. Perahu-perahu Siam menghampiri tembok Kota dan memenuhi muka sungai disepanjang-panjang tebing Kota hingga ke Balai Air iaitu tempat Dato' Syahbandar meletakkan orang-orangnya memungut cukai dan memeriksa orang-orang masuk keluar.

Dengan hati berdebar-debar Penghulu Kota mengarahkan pengiringnya yang paling pantas untuk berkejar ke teluk Chengai dua batu dari Kuala kerana menyampaikan berita kedatangan tentera-tentera Siam yang begitu ramai kepada Dato' Bendahara dan Dato' Laksamana. Dato' berdua baharu sahaja balik dari Kota Setar diatas urusan negeri dan berada di Teluk Chengai menantikan air tenang. Dato' berdua telah pun bergerak pulang ke Kuala Kedah masa bertembung dengan utusan dari Penghulu Kota.

Dato' Bendahara dan Dato' Laksamana tergesa-gesa pulang dan sempat sampai di Balai Air untuk menyambut ketua tentera Siam yang sedang mendaki anak-anak tangga balai itu dengan pengikut-pengikutnya.

Orang ramai mula berkumpul di tebing sungai terutamanya di sekitar Balai Air tetapi tidak menyangka sebarang keburukan akan menimpa mereka, hanya hairan melihat perahu-perahu

---

<sup>1</sup> Perbincangan bahagian ini dipetik dari : [tenteraberkuda.blogspot.com](http://tenteraberkuda.blogspot.com)

Siam begitu banyak dan orang-orangnya yang bercawat itu mempunyai senjata-senjata lengkap dengan lembing, tombak, pedang, parang dan juga istinggar serta meriam-meriam kecil....

...Dato' Bendahara memang sedar peri Cau Phaya Si Tammarat, Raja Legor, seorang gabnor Siam yang berdendam hati terhadap Sultan Ahmad Tajuddin kerana Sultan enggan menurut kehendaknya membekalkan 300 koyan beras dan 100 buah perahu perang lengkap dengan tentera dan senjata membantunya menyerang Burma. Sultan tidak menunaikan kehendak Si Tammarat kerana Kedah sedang sibok berperang di Perak. Bagimana pun Dato' Bendahara tidak menyangka bahawa angkatan Siam yang datang ini ialah untuk menyerang Negeri Kedah.

Pada masa ini Siam sedang bermusuhan dengan Burma dan wilayahnya di Selatan seperti Senggora dan Legor sedang memperkuat pertahanan masing-masing. Aktiviti Siam setakat ini berkisar ke arah melumpuhkan Kerajaan Burma dan telah pun di ketahui oleh Siam peri ujudnya satu flotilla angkatan laut Burma di perairan Pulau Pinang yang sedang mengintip dan mengukur kekuatan wilayah-wilayah Siam Selatan.

Masa di Kota Setar sebelah pagi tadinya, Bapu Kundor, seorang pembesar di Kota Setar, telah memberitahu Dato' Bendahara kononnya suatu angkatan Siam sedang bergerak dari utara dengan berjalan kaki dan bergajah menuju ke arah Gunong Keriang, dan jika mereka terus menuju ke Kuala Kedah angkatan Siam yang dianggarkan seramai tujuh ribu orang itu akan sampai sebelum waktu petang. Berita ketibaan angkatan Siam dengan beratus-ratus buah perahu perang di pintu kotanya sendiri di Kuala Kedah pada tengahari itu juga adalah amat memeranjatkan...

...Orang-orang Siam tidak banyak cerewet. Mereka menerangkan tujuan mereka datang ke Kuala Kedah kerana memerlukan beras sebagai bekalan untuk berperang dengan Burma dan mereka mendesak Dato' Bendahara supaya menyediakan beras-beras itu dengan serta-merta. Dato' Bendahara mengatakan bekalan beras itu tidak menjadi soal yang besar kepadanya tetapi ia hairan mengapa terlalu ramai sekali orang-orang Siam yang datang untuk mengambilnya.

Pada masa inilah orang-orang Siam telah menyerbu naik keatas Balai Air dan mengenakan pasung keatas Dato' Bendahara. Tangan dan kaki beliau telah terikat. Datuk-Datuk lain serta pengiring-pengiring yang berhimpun di tawan, kaki dan tangan diikat seperti Dato' Bendahara juga. Orang-orang Siam tidak berselindung lagi mengatakan hasrat mereka hendak menduduki Kota Kuala Kedah dan meminta orang-orang Melayu supaya jangan melawan.

Dato' Bendahara sempat berteriak: "Lawan, kita kena langgar, lawan....!" Pada masa itu juga mulutnya diikat dengan tali dan dihumban keatas lantai Balai Air itu. Dato' Laksamana dan Dato' Temenggong berjaya menghuraikan ikatan kaki dan tangan mereka lantas menikam beberapa orang Siam dengan keris. Pertempuran sengit Melayu dan Siam di Balai Air berlangsung dengan serta-merta. Ramai orang-orang Siam menjadi mayat tetapi malangnya Dato' Laksamana dan Dato' Temenggong telah terkorban di atas Balai Air itu juga. Orang-orang Siam menikam mereka berdua dengan tombak hingga mati.

Dengan senyap-senyap masa perundingan di Balai Air sedang berjalan, orang-orang Siam telah memasuki pintu Kota seolah-olah orang berpelancungan dan setelah berada di dalam cepat-cepat mengambil kesempatan menuangkan timah cair ke dalam mulut-mulut "Badak Berendam", "Katak Puru", "Dua Serupa", (sepasang meriam), "Harung Darah", "Lela Rentaka" dan meriam-meriam lain. Pembedil-pembedil meriam yang terdiri dari orang-orang India tidak dapat berbuat apa-apa kerana bilangan mereka terlalu sedikit sedangkan orang-orang Melayu berada didalam keadaan kebingungan terpesona dengan telatah-telatah Siam yang tidak disangka-sangka boleh berbuat demikian. Kemudian terjadilah drama yang menyedihkan. Orang-orang Melayu didalam Kota telah dikejar seperti ayam, diradak lengan tombak, ditikam dan dibedil. Manusia-manusia Melayu lelaki perempuan, orang tua dan kanak-kanak dibunuh dengan kejamnya dan mana yang melawan dicincang seperti mentimun.

Pembunuhan yang tidak berperikemanusiaan ini melarat hingga keluar Kota, dan apabila Dato' Bendahara telah ditawan, Dato' Laksamana dan Dato' Temenggong telah syahid, rumah-rumah orang Melayu telah dibakar menjadi habu, penghuniyan diusir, diseret dan ditikam atau dibedil hingga mati. Perempuan mengandong, orang-orang sakit, kanak-kanak dan orang-orang yang tidak terdaya semuanya diseksa kemudian dibunuh dengan dahsyatnya.



Angkatan Siam dari darat tiba di Kuala Kedah ketika orang-orang Melayu sedang diburu dan berkeliaran di sana-sini antara rumah-rumah yang terbakar dan angkatan ini pula turut memburu orang-orang Melayu yang malang itu. Orang-orang Siam mengejar orang-orang Melayu yang cuba berlepas diri dengan perahu dan membakar perahu-perahu ini di tengah-tengah sungai dengan anak-pinak yang meraung-raung didalamnya. Sunagi Kedah turut merah dan ikan menjadi mabuk! Api, asap, darah, mayat, teriak dan tangis menjadi saksi sepanjang abad...

...Orang-orang Siam dapat menduduki Kota Kuala Kedah dalam masa tiga jam sahaja. Dato' Wan Panji dan Wan Sidik mengamok di dalam Kota membunuh orang-orang Siam yang menyerang dan ramai lagi perwira-perwira Melayu yang bertempur mempertahankan Kota. Dato' Wan Panji dan Wan Sidik gugur terkorban bersama-sama Tunku Long Puteh, Tunku Mat Riau, Dato' Raja Akil, Dato' Chelang Panjang, Datul Lela Kasa, Dato' Pahlawan Haji Ahmad, dan Dato' Bohor Garang serta beratus-ratus lagi yang gugur tanpa nama dan tanpa talkin kerana mempertahankan Kota Kuala Kedah.

Dato' Bendahara di rantai dan dibawa kedalam Kota, kemudian dengan beratus-ratus orang lelaki perempuan dari anak baik-baik dipaksa berjalan kaki ke Senggora sebagai orang-orang tawanan. Dipertengahan jalan, Dato' Bendahara telah diracunkan dan beliau mati tidak tentu kuburnya. Sejak November 1821 itu Kerajaan Siam di Bangkok saban masa mengarahkan Gabenor Legor di Kedah supaya menyediakan bekala-bekalan beras dan wang untuk keperluan tentera dan pembesar-pembesar Negara. Beras dikumpul secara menggelandah kedai, gerai-gerai dan pasar rakyat serta jelapang-jelapang yang masih ada di kampung-kampung. Beras-beras yang ditemui semuanya dirampas.

Apabila arahan untuk mengumpulkan wang tiba, Gabenor di Kedah akan mengenakan cukai-cukai yang dipanggil "hasil kepala" – dipungut dari setiap penduduk dan yang paling teruk dicukai ialah orang-orang yang berniaga. Jika beras dan wang tidak mencukupi nilai yang diperlukan oleh Bangkok – Gabenor akan mengarahkan orang-orangnya bersama tentera-tentera yang bersenjata menangkap orang-orang Melayu dan merantaikan mereka beramai-ramai. Mereka dibawa ke Bangkok dan dijual di sana sebagai hamba abdi.

Tugas yang zalim dan jahat pernah dilakukan oleh Gabenor di Kedah ialah menghantar 200 atau 300 orang wanita Melayu ke Bangkok atau ke Legor. Caranya ialah menggempur rumah-rumah orang Melayu, baik malam atau siang, dan mengikat wanita-wanita yang malang ini. Mereka direntap dari ibu bapa atau saudara mara mereka dengan seberapa segera dan dibawa ke Kota Kuala Kedah. Mereka akan dimuatkan ke dalam kapal-kapal yang sedang menunggu untuk dibawa ke Legor atau ke Bangkok. Ibu bapa atau saudara mara yang cuba menghalang akan dipukul dan ditembak. Ramai yang menemui ajal!

Di antara hiburan tentera-tentera Siam di Kedah ialah melepaskan berpuluh-puluh ekor babi ke dalam masjid ketika orang-orang Melayu sedang bersembahyang Jumaat. Mereka tertawa berdekah-dekah melihat orang Melayu tua-tua lari bertempiaran mengelakkan diri dari hewan-hewan haram itu. Banyak masjid yang terbiar selepas ini dan runtuh sendirian selama 20 tahun Siam memerintah negeri Kedah.

Setelah Kota Kuala Kedah jatuh ketangan Siam dan lebih kurang seribu buah rumah di dua-dua tebing Sungai Kedah dibakar menjadi habu, angkatan laut Siam bertolak ke Kuala Merbok dan berazam hendak menawan Sultan Ahmad Tajuddin hidup-hidup ke Senggora. Sultan berada di Pulau Tiga iaitu sebuah kampong yang baharu diteroka di Kuala Sungai Tukang empat batu ke utara bandar Sungai Petani sekarang. Jauhnya dari Kuala Merbok mengikut jalan sungai lebih kurang dua belas atau tiga belas batu. Baginda sibok mengarahkan rakyat-rakyat Baginda mengorek sebatang terusan menyambungkan Sungai Merbok dengan Sungai Muda melalui Kampong Simpor supaya hubungan di antara dua-dua batang sungai yang penting ini dapat dibuat melau terusan itu.

Pada pagi Isnin itu, Sultan Ahmad Tajuddin mendapat maklumat bahawa angkatan Siam telah menawan Kota Kuala Kedah dan rakyat baginda telah terkorban dengan banyaknya. Mana yang masih hidup sedang berhijrah ke Pulau Langkawi dan ke Pulau Pinang atau ke pedalaman di bukit-bukit. Dato' Laksamana dan Dato' Temenggong Tua telah juga terkorban dan Dato' Bendahara dengan beratus-ratus orang anak baik-baik telah ditawan oleh Raja Legor yang menyerang Kedah bagi pihak Maharaja Benua Siam. Baginda juga telah diberitahu supaya berundur segera kerana sebuah angkatan laut Siam yang agak besar sedang menghampiri Kuala Merbok pada pagi itu juga...

...Orang-orang Melayu di Kuala Merbok cuba membedil perahu-perahu Siam tetapi tidak memberi sebarang kesan kepada angkatan Siam yang jauh lebih besar. Tentera Siam membakar rumah-rumah di Kuala Merbok kemudian terus mudik ke Pulau Tiga melakukan keganasan dan pembunuhan di sepanjang-panjang sungai. Mereka keciwa kerana tidak sempat bertemu dengan Sultan yang telah berangkat jauh ke dalam negeri.

Sultan Ahmad Tajuddin dengan isteri-isteri dan anak pinak baginda yang terdiri dari beberapa orang putera puteri yang masih kecil merentas hutan belantara melalui bukit bukau lahar dan paya, serta menyusur anak-anak sungai selama lima hari lima malam sebelum sampai di Kuala Perai di rumah saudaranya Tunku Sulaiman...

...Dalam keadaan yang begini, baginda terpaksa pula mengelakkan diri dari orang-orang yang menjadi talibarut Siam. Mengikut cerita kononnya baginda terpaksa menaburkan duit-duit tera dan keneri di belakang gajahnya supaya orang-orang yang mengesan jejak-jejak baginda akan membuang masa memungut duit-duit itu dan dapatlah baginda menghilangkan diri jauh ke hadapan. Keneri itu lebih besar nilainya dari tera tetapi tidak sampai seringgit...

...Cerita-cerita ini bukanlah mustahil jika dipikirkan keadaan negeri yang belum terbuka seratus lima puluh tahun dahulu. Jauhnya Pulau Tiga yang terletak diulu Sunagi Merbok ke Kuala Perai mengikut aliran sepanjang-panjang Sungai Perai dari ulunya di Pinang Tunggal ke Kuala ialah 25 batu hutan tebal. Pada masa itu tidak ada sebarang peta atau pedoman melainkan berpandukan matahari dan timbang tilik semata-mata sambil mengintip ddenai-deni yang boleh dilalui oleh gajah-gajah...

...Di fikiran mereka masih tergambar perahu beratus-ratus buah yang sarat dengan manusia bergerak dari Kuala Kedah di pukul oleh badai dan terus hilang ditelan laut. Setengahnya diburu oleh Siam, di bedil dan dibakar di tengah laut. Derita dan sengsara selama ini turut berkubur. Dalam percubaan melarikan diri itu mereka terpaksa bersulit-sulit dan berbisik-bisik, belayar di waktu malam dengan tidak berlampu supaya tidak sampai ke pengetahuan tentera-tentera Siam. Percubaan yang gagal biasanya akan disergah oleh tentera-tentera Siam di daratan lagi,



orang-orang lelaki akan diseret dengan kasarnya dan dipisahkan dari isteri dan anak-anak gadis dan isteri mereka dijadikan mangsa kepuasan nafsu tentera-tentera Siam. Sesiapa yang melawan akan diikat dibatang-batang pokok berhari bermalam kadang-kadang sahingga mati. Jika tindakannya lebih menyakitkan hati orang-orang Siam, ia akan diikat dipokok dan tangannya diikat pula kepada sebatang buloh palang. Seorang tentera Siam akan tampil dengan sebilah parang yang berat membelah badannya dari kepala ke pinggang kemudian dilontar kedalam sunagi menjadi rebutan buaya-buaya lapar.

Bilangan orang-orang Melayu yang gugur dalam perjuangan menentang penjajahan dan kezaliman Siam “perut hijau” tidak dapat ditaksir dengan betul. Begitu juga jumlah orang-orang Melayu yang dibawa ke Legor dan ke Sanggora untuk dijadikan hamba abdi oleh Siam tidak dapat dihisab dengan tepat; tetapi lebih banyak lagi yang menjadi korban keganasan Siam yang bersahaja, dan mangsa keganasan laut dalam pelayaran melarikan diri ke Pulau Pinang dan ke Pulau Langkawi. Demikian juga ramai lagi yang terkorban ditekan kebuluran dan penderitaan masa berhijrah ke tempat-tempat lain dipergunungan. Orang-orang yang bernasib baik kerana dapat lagi menyambungkan nyawa. Kerajaan Pulau Pinang mengeluarkan bantuan kepada pelarian-pelarian ini seberapa terdaya dan yang tinggal di Seberang Perai telah diberi kebenaran untuk membuka tanah persawahan....

...Gabenor Belanda di Melaka tidak sabar mendengar berita Sultan Kedah diperlakukan sedemikian rupa oleh Siam telah menghantar sebuah kapal perang yang besar dan lengkap, kepunyaan baginda Raja Holand, ke Pulau Pinang dan meminta Inggeris membenarkan kapal ini berperang bersama-sama dengan orang-orang Melayu mengusir Siam keluar dari Negeri Kedah. Inggeris memandang sejuk kepada tawaran ini dan menolaknya dengan hormat.

Negeri-negeri Perak, Selangor dan Petani telah mendesak Inggeris supaya bertindak segera keatas Siam yang mencabul bumi Kedah. Angkatan-angkatan perang Melayu akan bersatu membantu Inggeris membersihkan Negeri Kedah dari anasir-anasir Siam dan memberhentikan penderitaan yang dialami oleh orang-orang Melayu disana. Kumpulan-kumpulan orang Melayu dari Sumatera iaitu Aceh, Siak, Langkat, Bedagai dan lain-lain serta kumpulan-kumpulan dari Semenanjung termasuk dari Rembau, Terengganu, Kelantan, dan Pahang telah meluru tiba di

Pulau Pinang untuk bertindak membela Sultan Ahmad Tajuddin asalkan Inggeris memberi lampu hijau.

Ketibaan orang-orang pelarian dari Kedah ke Pulau Pinang makin bertambah saban hari membuktikan keadaan yang tidak sehat berleluasan dengan rancaknya di Kedah. Inggeris masih bermuhtasyam, sepi dan membisu. Sultan Ahmad Tajuddin di Pulau Pinang diselubungi oleh perasaan putus asa kerana Inggeris tidak berusaha langsung mengusirkan Siam keluar dari bumi Kedah mengikut seperti yang di persetujui dalam perjanjian yang dibuat masa memajak Pulau Pinang dahulu (1786) dan sekali lagi dipersetujui pula masa memajak Seberang Perai dalam tahun 1800.

Sumber: [tenteraberkuda.blogspot.com](http://tenteraberkuda.blogspot.com) (dipetik tanpa edit dari Mas Raden FB Group JP PSSCM)

### **IMEJ DAN WAJAH SIAM DALAM TEKS MELAYU KLASIK DAN SURATKHABAR TERPILIH**

Setakat ini, tidak terdapat kajian yang menumpu kepada imej dan paparan Siam oleh orang Melayu, misalnya kajian yang dilakarkan oleh Braginsky (2013) mengenai imajinasi Raja Rum dan ruang dinasti di Dunia Melayu.<sup>2</sup> Berikut ialah senarai sebutan “Siam” dalam hikayat klasik Melayu dan lain-lain teks dari 1390an hingga 1930an. Dari teks-teks ini didapati bahawa orang-orang Melayu amnya dan dalam sejarah Kedah khususnya mempunyai hubungan yang agak kompleks dengan orang-orang Siam. Secara umum mengikut kronologi tidak ada dikotomi “Kita-Mereka” walaupun paparan biasanya mencerminkan perbezaan dari segi etnik dan budaya. Andaian saya ialah lebih kerap sesuatu istilah itu disebut, lebih tinggilah kesedaran (consciousness) terhadap sesuatu objek itu.

---

<sup>2</sup> Lihat Vladimir Braginsky (2013). “Imagining Kings of Rum and their Heirs: The Dynastic Space of the Malay World and Beyond,” *Indonesia and the Malay World*, Vol. 41, No. 121, pp. 370-395.

### KEKERAPAN ISTILAH 'SIAM' DARI 1390AN HINGGA 1930AN<sup>3</sup>

Beberapa pemerhatian dapat di buat dari hasil dapatan seperti berikut:

Tahun	Kekerapan	Teks
1390an	3	Hikayat Raja Pasai [3] (1390 (MS 1815)
1550an	1	Hikayat Inderaputera [1] (1600/MS1700)
1620an	1	Hikayat Aceh [1] (1625/MS 1675)
1650an	1	Sejarah Melayu [1] (about 1612/MS 1808)
1660an	2	Hikayat Banjar dan Kota Waringin [1] (1663/MS1810) Bo' Sangaji Kai [1] (1645-1898/MS 1820-98)
1700an	31	Bo' Sangaji Kai [1] ] (1645-1898/MS 1820-98) Hikayat Hang Tuah [30] (1700/MS 1849)
1720an	1	Hikayat Shah Mardan [1] (sekitar1720 /MS 1871)
1730an	2	Hikayat Patani [2] (1730/MS 1839)
1750an	9	Syair Bidasari [1] (1750/MS 1825) Syair Ken Tambuhan [1] (1750/MS 1791-1872) Syair Hemop [7] (1750s/MS1817)
1770an	5	Adat Raja Melayu [5] 1779, ~1850 (MSS 1817, 1873)
1790an	5	Warisan-warkah Melayu [5] (1625-1899)
1810an	25	Syair Sultan Maulana [2] (1815/MS 1825) Warisan warkah Melayu [5]
1820an	60	Hikayat Merong Mahawangsa [53] 1821 edition 1828 Surat Farquhar [5] 1819-1821 (MS 1821) Silsilah Perak [1] (1826) Warkah-warkah Melayu [1]
1830an	9	Pelayaran Abdullah ke Kelantan [6] (1838) Civil War in Kelantan [1] (1839) Syair Dagang Berjual-Beli [1] (1831)

<sup>3</sup> Pencarian dilakukan dengan menggunakan kemudahan portal Malay Concordance Project yang beralamat <http://mcp.anu.edu.au/>



		Syair Potong Gaji [1] (1831) Hikayat Seri Kelantan [1]
1840an	12	Hikayat Abdullah bin 'Abdul Kadir [12] (1842/rev 1849)
1850an	6	Hikayat Siak [6] (1855/MS1893) Surat Pawang [1] Surat kepada Van de Wall (1856-1872)
1860an	17	Syair Awai [1] (1868) Tuhfat al-Nafis [1] (1866/MS 1890) Syair Nuri dengan Simbangan [2] (1860) Salasilah Melayu dan Bugis [4] (1865) Carita Bangka [9] (1861/MS1878)
1870an	66	Surat kepada Von de Wall [1] Cerita Patani dan Kelantan [4] (1876) Hikayat Indera Nata [23] (1870/MS1874) Syair Seri Maharaja Siam di Betawi [38] (1871)
1880an	5	Hikayat Pahang [5] (1883 (MS 1883, 1932) Surat Pawang (before 1890s)
1890an	4	Syair Almarhum Sultan Abubakar [1] (1896) Syair Seratus Siti [1] (kurang pasti tetapi sekitar 1890) Syair Perjalanan Sultan Lingga [2] (1894)
1900an	40	Al-Imam [2] (1906-1908) Warkah Terengganu [38] (1908-1928)
1910an	3	Syair Nasihat Terengganu [1] (1917) Hikayat Seri Kalantan [1] (1783-1914/ MS 1914) Vernacular Newspapers (editorial) [1]
1930s	36	Vernacular Newspapers (editorial) [1] (1887-1940) Majlis [3] (1932-1935) Syair Tawarikh Zainal Abidin yang Ketiga [4] (1936) Majalah Guru [8] Saudara [20] (1930-1935)
JUMLAH	345	

## PAPARAN-PAPARAN TEKS TERPILIH

### 1390an Hikayat Raja Pasai

Pasai 102:2 .Maka sabda Tun Beraim Bapa, "Ayuh segala handai taulanku, diamlah kamu sekalian, karna hamba tiada mau derhaka, jika hamba mau derhaka, jika Pasai sePasainya, jika Siam **seSiamnya**, jika Cina seCinanya, jika Jawa seJawanya, jika Keling seKelingnya tiada dapat melawan aku." Maka berdatang sembah Si Pahat Putar dan Si Bintang Timur dan Si Akap Gagah ..

Pasai 113:2 ... dirinya ke tanah. Maka diambilnya lembingnya, lalu dilotarkannya. Maka katanya, "Hai mamakku Malik Akasan, jika Si Beraim Bapa mau derhaka, jika Pasai sePasainya, jika Siam **seSiamnya**, jika Keling seKelingnya, tiada mau melawan Si Beraim Bapa karna sekali-kali Si Beraim Bapa tiada mau derhaka. Hai mamakku Malik Akasan di mana tempat lembing hamba itu ..

### 1620an Hikayat Aceh

Aceh 214:17 Pancagah yang demikian itu. Maka masyhurlah kepada segala `alam dan kepada segala negeri khabar Pancagah yang demikian itu. Maka ada pada zaman itu sultan Syahr Nawi di negeri **Siam** menyuruhkan sebuah kapal kepada Syah `Alam, dua orang antusan. daripada antaranya seorang bernama Maha Teba, seorang bernama Maha Mantri. Maka ada dibawanya oléh kedua antusan

### 1650an Sejarah Melayu

SM 88:31 ... tiada terlawan oleh kita." Maka kata Awi Dicu, "Benar seperti kata kamu itu, marilah kita kembali." Maka segala perahu Siam pun kembalilah. Adapun perigi Batu Pahat itu, orang **Siamlah** memahat dia. Maka diperikut oleh Bendahara Paduka Raja had Singapura. Maka banyak perahu Siam dilanggar oleh kelengkapan Bendahara Paduka Raja; maka orang Siam pun belayar .

### 1700an Hikayat Hang Tuah

Tuah 21:10 . seorang lebai Keling. Hatta, beberapa lamanya, maka tamatlah dengan bahasa Keling itu, habislah diketahuinya. Maka Hang Tuah pun berkata pada bapanya hendak

mengaji pada lebai **Siam** pula supaya diketahuilah akan bahasanya. Setelah sudah diketahuinya akan bahasa Siam itu maka Hang Tuah pun mengaji pula pada seorang lebai China. Dengan tiada berapa lamanya .

Tuah 21:12 ... habislah diketahuinya. Maka Hang Tuah pun berkata pada bapanya hendak mengaji pada lebai Siam pula supaya diketahuilah akan bahasanya. Setelah sudah diketahuinya akan bahasa **Siam** itu maka Hang Tuah pun mengaji pula pada seorang lebai China. Dengan tiada berapa lamanya maka ia pun tamatlah mengaji bahasa China itu; maka habislah diketahuinya bahasa .....

Tuah 190:32 ..... kita raja Melaka?" Maka sembah Tun Tuah, "Daulat tuanku; khabar baik, tuanku. Patik tinggalkan ini, paduka kakanda mengutuskan Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura ke benua **Siam** minta gajah kepada Phra Cau benua Siam; dan ke benua Keling pun diberi surat dan bingkis. Hendak akan gajah tinggi enam hasta dan raja di benua Keling pun diminta gajah yang ..

Tuah 190:32 . Tuah, "Daulat tuanku; khabar baik, tuanku. Patik tinggalkan ini, paduka kakanda mengutuskan Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura ke benua Siam minta gajah kepada Phra Cau benua **Siam**; dan ke benua Keling pun diberi surat dan bingkis. Hendak akan gajah tinggi enam hasta dan raja di benua Keling pun diminta gajah yang tinggi hasta; itulah khabarnya." Maka ...

Tuah 190:36 .... dan raja di benua Keling pun diminta gajah yang tinggi hasta; itulah khabarnya." Maka titah raja, "Kita pun jikalau ada gerangan orang yang dapat kita menyuruhkan ke benua **Siam** itu, mau kita minta gajah kepada Phra Cau." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku; mengapa maka Duli Yang Dipertuan bertitah demikian? Dan apa tewasnya maka Duli Yang .....

Tuah 190:40 .. Phra Cau." Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku; mengapa maka Duli Yang Dipertuan bertitah demikian? Dan apa tewasnya maka Duli Yang Dipertuan tiada boleh mengutus ke benua **Siam**?" Maka titah raja, "Hai Tun Tuah, sekarang, Tun Tuah, hendak ke mana pula Tun Tuah pergi?" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku; Insya Allah Taala, barang ke mana .....

Tuah 212:18 ..... inangda lalu kembali ke rumahnya. Maka Tun Tuah pun membuka pustakanya. Maka dilihatnya dalam pustakanya bahawa Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura sudah datang dari benua **Siam** membawa gajah, ada di Kuala Inderapura ini. Setelah ia melihat pustakanya maka Tun Tuah pun pergi kepada Bendahara; Bendahara pun sedang hendak berjalan masuk mengadap. ....

Tuah 213:4 ..... Bendahara, "Patik tidak periksa, tuanku, tetapi ada juga orang kuala memberitahu Syahbandar." Maka sembah Tun Tuah, "Pada bicara patik, utusan paduka baginda yang ke benua **Siam** itu gerangan datang - Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura." Dalam berkata-kata Syahbandar pun datang mengadap. Maka sembah Syahbandar, "Ya tuanku, utusan raja Melaka dari benua

Tuah 213:8 . itu gerangan datang - Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura." Dalam berkata-kata Syahbandar pun datang mengadap. Maka sembah Syahbandar, "Ya tuanku, utusan raja Melaka dari benua **Siam** membawa gajah: Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura; sekarang adalah ia di kuala." Maka titah raja, "Hai Syahbandar, segeralah bawa utusan itu naik dan gajah yang dibawanya itu .

Tuah 213:22 ..... datang ke balairung, maka titah raja, "Ada berapa tinggi gajah ini?" Maka sembah Tun Ratna Diraja, "Lima hasta, tuanku, tingginya, kerana paduka kakanda minta raja benua **Siam** lima hasta tingginya. Hendak pun paduka kakanda minta gajah yang besar kerana tiada kuasa patik sekalian membawa dia." Maka titah raja, "Kita pun hendak mengutus ke benua .....

Tuah 218:30 . baginda Bendahara gopoh-gopoh itu, maka titah baginda, "Apa khabar maka mamak Bendahara datang gopoh-gopoh ini?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, utusan kita dari benua **Siam**, Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura datang membawa gajah, tuanku." Setelah mendengar sembah Bendahara demikian itu, maka raja pun terlalu amat sukacita mendengar beroleh gajah

Tuah 219:20 .. titah raja pada Tun Ratna Diraja, "Adapun gajah ini dinamai Permata Selan. Insya Allah Taala, jikalau gajah ini hidup di tanah Melaka ini, kita hendak mengutus pula ke benua **Siam**, kita hendak minta gajah yang enam hasta dan gajah betina dua ekor." Maka sembah Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura, "Daulat tuanku, jangankan dua ekor tiga ekor, sepuluh ekor

Tuah 219:24 .... dan gajah betina dua ekor." Maka sembah Tun Ratna Diraja dan Tun Bija Sura, "Daulat tuanku, janganlah dua ekor tiga ekor, sepuluh ekor pun diperoleh, kerana gajah di benua **Siam** itu terlalu banyak pada rajanya; pada orang besar-besarnya pun beroleh." Setelah raja mendengar sembah Tun Ratna Diraja demikian itu, maka raja pun terpendang pada Tun Tuah. ..

Tuah 416:1 .... "Daulat tuanku." Maka baginda pun berangkat masuk. Maka Laksamana pun pulang ke rumahnya. Syahadan berhentilah perkataan ini. Sebermula raja Melaka hendak mengutus ke benua **Siam**. Maka pada hari baginda duduk semayam. Maka baginda pun bertitah, "Hai mamak Bendahara, akan sekarang kita hendak mengutus ke benua Siam, minta beli gajah pada raja barang ....

Tuah 416:4 ... raja Melaka hendak mengutus ke benua Siam. Maka pada hari baginda duduk semayam. Maka baginda pun bertitah, "Hai mamak Bendahara, akan sekarang kita hendak mengutus ke benua **Siam**, minta beli gajah pada raja barang empat ekor yang jantan, dua ekor betina. Siapa baik kita suruhkan?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku syah alam, patik mohonkan ampun ...

Tuah 416:10 .. dan kurnia; jikalau lain daripada Laksamana adalah lambat pergi datang." Maka raja pun memandang kepada Laksamana, Laksamana pun menyembah, "Daulat tuanku, patiklah ke benua **Siam** itu." Maka titah baginda, "Benarlah kata Laksamana itu. Pada bicara kita, kerana kita ada menengar khabar negeri baharu diperbuat, namanya Patani; pada bicara kita, kita .....

Tuah 416:30 ... mulia. Setelah sudah maka Laksamana pun menyuruh membongkar sauh berdayung hilir sambil memasang bedil. Setelah sampai ke laut, lalu menarik layar lalu belayar menuju benua **Siam**. Berapa lamanya maka sampailah antara Hujung Sawang. Maka kata Laksamana, "Hai mualim, apa nama negeri ini?" Maka kata mualim itu, "Inilah negeri Patani namanya." Maka .....

Tuah 417:10 dialahkan oleh musuh. Adapun maka pintu gerbangnya itu, kepala naga matahari hidup, ekornya matahari mati. Setelah sudah maka Laksamana pun turun ke perahu lalu belayar menuju **Siam**. Berapa lamanya maka sampailah ke benua Siam. Maka bedil pun dipasang oranglah terlalu azmat bunyinya. Maka orang bandar pun datang melawati, katanya, "Perahu dari mana ini?" .

Tuah 417:11 ..... itu, kepala naga matahari hidup, ekornya matahari mati. Setelah sudah maka Laksamana pun turun ke perahu lalu belayar menuju Siam. Berapa lamanya maka sampailah ke benua **Siam**. Maka bedil pun dipasang oranglah terlalu azmat bunyinya. Maka orang bandar pun datang melawati, katanya, "Perahu dari mana ini?" Maka sahut orang dalam perahu ghali itu, .....

Tuah 417:25 .perahu Laksamana. Setelah datang kepada Laksamana, maka kata syahbandar, "Adapun hamba datang ini disuruhkan Oya Bagelang mengajar perintah mengadap Phra Cau, kerana perintah **Siam** lain, Melayu lain. Pertama, masuk ke dalam itu dengan seorang dirinya, tiada boleh masuk dengan budak-budak. Apabila sampai ke hadapan raja, merangkak sambil menyembah." Maka .

Tuah 418:18 .... hendakkan gajah, jika empat puluh sekalipun kita beri." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku." Maka Phra Cau pun hairan melihat sikap Laksamana dan tahu berkata-kata cara **Siam** dengan fasih lidahnya dan manis suaranya. Maka raja pun terlalu amat kurnia akan Laksamana dan dipersalin cara Siam. Setelah itu maka Phra Cau pun berangkat masuk. Maka .....

